



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PNM) CATAT REKOD DALAM MALAYSIA BOOK OF RECORD (MBOR) UNTUK “*FIRST DIGITAL LIBRARY EXHIBITION ABOARD A TRAIN*”

---

**BEAUFORT, 24 Ogos 2024** - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara pagi ini telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Kembara Ilmu Ini Khazanah Kita di Stesen Keretapi Tanjung Aru, Kota Kinabalu, Sabah dan Majlis Perasmian Program Etie Adat Tokou di Perpustakaan Desa Kampung Rancangan Klias, Beaufort Sabah.

Program anjuran Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerusi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Perpustakaan Negeri Sabah (PNS), Jabatan Keretapi Negeri Sabah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) dan Sutera Harbour Resort adalah bertujuan untuk **menggalakkan minat membaca dalam komuniti setempat** serta **mempromosikan program galakan membaca dengan pelbagai platform untuk masyarakat di Sabah**.

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata pelaksanaan program ini juga selari dengan fokus PNM iaitu memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat ke arah mewujudkan masyarakat berbudaya membaca yang selari dengan matlamat menjadikan **Malaysia sebagai Negara Pembaca menjelang tahun 2030**. Beliau turut memaklumkan bahawa Laporan Perangkaan Tahunan PNM 2023 menunjukkan PNM telah membuat perolehan sekurang-kurangnya **6 juta bahan termasuk bahan bercetak, bahan digital dan manuskrip Melayu** dalam usaha menyediakan pelbagai bahan bacaan kepada orang awam.

Istimewanya hari ini, pameran digital yang diadakan di dalam kereta api adalah **pameran digital pertama yang telah mencatatkan rekod dalam Malaysia Book of Record (MBOR) dengan tajuk “*First Digital Library Exhibition Aboard A Train*”**. PNM telah mengangkat kandungan pameran manuskrip Melayu, u-Pustaka, bahan-bahan terbitan PNS berkaitan kemerdekaan dan sejarah serta warisan budaya di Sabah. **Penggunaan teknologi realiti maya (VR) dan realiti tambahan (AR) dalam pameran ini** memberikan pengalaman yang luar biasa kepada para

pengunjung, terutama generasi muda, yang sering kali lebih cenderung kepada penggunaan teknologi dalam kehidupan seharian mereka.

Menteri Perpaduan Negara turut mengumumkan bahawa Kementerian akan **melanjutkan tempoh pameran ini mulai 24 Ogos sehingga 5 September 2024 dengan jangkakan pengunjung seramai 10,000 orang.**

Selain itu, pengisian menarik yang telah diadakan di Perpustakaan Desa Kampung Rancangan Klias ialah program **Etie Adat Tokou** iaitu majlis **penyediaan makanan dan makan bersama komuniti sebagai simbol perpaduan dan semangat kebersamaan dalam kalangan rakyat Malaysia.** PNM juga telah mengambil peluang untuk mengadakan program Malam di Perpustakaan (*Night@The Library*) di Perpustakaan Negeri Sabah di mana terdapat pengisian seperti *storybook*, *bedtime storytelling*, *stargazing* dan persembahan boneka untuk pengunjung PNS.

KPN berharap program seperti ini akan menjadi inspirasi kepada semua golongan masyarakat dalam usaha memelihara dan mempromosikan warisan budaya Malaysia selain dapat mempertingkatkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

-TAMAT -